
ORIGINAL ARTICLE

**MJSSH**
Mualim Journal of
Social Science and Humanities**PINTAR BACA: MENGAYAKAN PEMBACAAN MURID
MELALUI CERITA ASAL USUL NAMA TEMPAT DI
SINGAPURA****PINTAR BACA: ENRICHING PUPILS' READING
THROUGH STORIES OF ORIGINS OF NAMES OF
PLACES IN SINGAPORE****Siti Faridah Bte Omar¹**

¹ Guru Pakar, Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura / Master Teacher, Malay Language Centre of Singapore, Academy of Singapore Teachers, Ministry of Education, Singapore.

Email: siti_faridah_omar@schools.gov.sg

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/66>

Abstrak

Kemahiran membaca merupakan antara kemahiran asas yang perlu dibina di peringkat sekolah rendah. Kajian awal mendapati bahawa murid kurang berminat untuk membaca dan ini menjadikan penguasaan kosa kata dan pemahaman mereka. Justeru, Kad Pintar Baca diperkenalkan bagi membantu meningkatkan minat dan keupayaan murid memahami teks-teks yang dibaca. Kad Pintar Baca merupakan kumpulan bahan pengajaran dan pembelajaran hasil terbitan Pusat Bahasa Melayu Singapura. Bahan ini dihasilkan bagi membantu murid-murid di sekolah rendah mempertingkat penguasaan bahasa mereka melalui pembacaan. Kad-kad ini yang dihasilkan bagi peringkat Darjah 2 hingga 4 ini mengandungi 12 cerita asal usul nama tempat-tempat di Singapura. Melalui pendedahan cerita-cerita bersejarah ini, diharapkan dapat menimbulkan minat dan memperkuat pengetahuan murid mengenai latar sejarah beberapa tempat di Singapura dengan cara yang lebih mudah dan menarik. Di samping itu, setiap cerita disusuli dengan soalan-soalan kefahaman yang akan membina pemahaman murid mengenai cerita yang telah dibaca. Bahan ini diuji cuba di 9 buah sekolah yang melibatkan 189 orang murid. Strategi rutin berfikir diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi menyokong penggunaan bahan Kad Pintar Baca ini. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapatnya peningkatan dari segi minat dan keseronokan membaca dalam kalangan murid. Di samping itu, penerapan rutin-rutin berfikir juga telah berjaya membantu murid memahami isi kandungan cerita dan mempertingkat penguasaan bahasa dan pemahaman mereka.

Kata kunci: kemahiran membaca, pemahaman, Kad Pintar Baca, rutin berfikir

Abstract

Reading is one of the basic skills needed to be enhance at the primary school level. Early research shows that pupils lack the interest in reading and this affected their ability to grasp vocab and understanding. Thus, *Pintar Baca* cards were introduced to help increase interest and level up pupils' ability to understand the texts read. The *Pintar Baca* cards comprises of teaching and learning tools published by the Malay Language Centre of Singapore. These resources were designed to help primary school pupils improve their language mastery through reading. These cards were developed for Primary 2 to 4 and consists of 12 stories on the names of origins of places of Singapore. It is hoped that through these historical stories, we are able to instil interest and strengthen pupils' knowledge on the historical background of some places in Singapore in a simpler and more interesting way. In addition, each story comes with a set of comprehension questions which can develop pupils' understanding on the reading materials. A trialling session was done at 9 primary schools involving around 189 pupils. A thinking routine strategy were applied in the teaching and learning during the trialling sessions to support the use of the *Pintar Baca* cards. Research findings showed an increase in reading interest amongst pupils. In addition, the application of the thinking routines has helped improve pupils' understanding of the contents of the stories and their language mastery.

Keywords: reading skills, understanding, *Pintar Baca* cards, thinking routines

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 12th November 2019, revised 12th January 2020, accepted 1st February 2020

Pengenalan

Membaca merupakan kemahiran asas yang perlu dikuasai murid terutama di peringkat sekolah rendah. Kemahiran membaca adalah satu daripada enam kemahiran bahasa yang sangat penting bagi membolehkan murid menimba ilmu pengetahuan. Kemahiran membaca diibaratkan sebagai jambatan ilmu dan pengasah minda. Pihak Kementerian Pendidikan Singapura turut memberi penekanan kepada aspek kemahiran membaca bagi pemahaman untuk pelbagai bahan yang dibaca. Murid diharapkan bukan sahaja boleh membaca secara mekanis tetapi dapat memahami dan menaakul bahan bacaan yang diberikan. Di samping itu, usaha menggalakkan pembacaan dalam kalangan murid juga diharapkan dapat mempertingkat kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif supaya setiap murid mempunyai daya saing yang tinggi dan akan lebih bersedia mengharungi kehidupan dan cabaran abad ke-21.

Bagi memberikan makna kepada bacaan, murid perlu dilengkapskan dengan kemahiran metakognisi agar budaya membaca dan berfikir dapat memberikan makna kepada bacaan murid. Perancangan yang terperinci dan langkah yang tersusun diperlukan untuk membina kemahiran murid untuk menjadi pembaca yang baik. Pengajaran strategi kefahaman membaca akan membolehkan murid menjadi pembaca yang aktif, memahami objektif dan dapat mengawal

pembacaan teks kefahaman secara kendiri. Ia melibatkan proses membina makna daripada teks yang dibaca melalui pengetahuan sedia ada, memahami kosa kata, mengumpul maklumat, mengaitkan idea utama dan idea sampingan dan membuat inferens. Para pendidik perlu memainkan peranan yang berkesan bagi membina kemampuan murid berfikir dan berkomunikasi dengan yakin dan berkesan. Pemilihan kaedah pengajaran dan persekitaran bilik darjah yang kondusif dapat merangsang murid berfikir secara kendiri atau berkumpulan, membina minat mereka dan sekaligus melibatkan murid dalam proses pembelajaran secara aktif.

Strategi rutin berfikir bagi Menjadikan Pemikiran Jelas (*Making Thinking Visible*) yang diketengahkan oleh para pengkaji Ron Ritchhart, Mark Church dan Karin Morrison (2011)¹ dari *Harvard Graduate School of Education* melalui Projek Zero, merupakan strategi yang telah dikenal pasti bagi kajian ini. Rutin-rutin berfikir seperti Lihat-Fikir-Tanya (LFT), Fikir-Berpasangan-Berkongsi (FBB) dan Fikir-Tanya-Teroka (FTT), merupakan antara rutin yang dipilih dan diaplikasi dalam kajian ini. Rutin berfikir ini ialah alat pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menekankan kemahiran berfikir dan mendokumentasikan hasil pemikiran tersebut. Rutin-rutin berfikir ini dapat mengembangkan kognitif murid dan digunakan untuk membantu murid mengenal, meneroka dan menyusun idea dengan lebih sistematik dan teratur. Dalam kajian ini, rutin berfikir diterapkan khususnya dalam pembelajaran kefahaman membaca sebagai perancah bagi membimbing murid melakukan dan melengkapkan aktiviti-aktiviti yang menggalakkan mereka berfikir dengan kritis dan kreatif. Murid juga dapat mengemukakan soalan-soalan berdasarkan bahan-bahan rangsangan visual, benda-benda maujud yang berkaitan dengan topik atau cerita yang dibincangkan.

Pernyataan Masalah

Ramai murid boleh membaca tetapi mempunyai masalah untuk memahami teks yang dibaca. Murid mungkin mempunyai kemahiran untuk memahami perkataan tetapi kurang kemahiran proses berfikir yang membolehkan mereka memahami teks dengan lebih mendalam. Untuk meningkatkan pencapaian murid, guru harus menyediakan pengajaran kefahaman membaca secara sistematis dan eksplisit agar dapat menggalakkan minat dan kehairahan murid untuk terus membaca.

Hasil tinjauan menunjukkan bahawa murid-murid mempunyai kesukaran memahami teks yang dibaca lantas tidak berupaya menjawab soalan-soalan kefahaman yang dikemukakan dengan lengkap. Antara faktor yang menjadikan kefahaman murid ialah sikap mereka. Menurut Guthrie dan Wigfield (1997)², sikap terhadap membaca didefinisikan sebagai perasaan seseorang murid kepada bahan bacaan yang akan menentukan sama ada murid itu akan mendekatkan diri atau mengelakkan diri kepada proses membaca yang dipelajari. Walaupun ramai murid boleh membaca tetapi tidak semua yang dapat memahami kandungan dan mengaitkan kandungan bahan bacaan dengan pengalaman kehidupan mereka. Lantas, masalah itu menghambat minat mereka untuk membaca.

Pencapaian murid dalam bahagian kefahaman subjektif sering menjadi keprihatinan guru. Secara umumnya, ramai murid lemah dalam menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif. Tinjauan menunjukkan ramai murid tidak dapat menjawab soalan dengan tepat, membuat inferens atau kesimpulan tentang petikan kerana mereka tidak memahami kandungan teks dengan baik. Hal ini mungkin disebabkan pemikiran mereka yang terbatas dan kurangnya pengetahuan sedia ada

tentang topik yang dibaca. Kemahiran untuk berfikir dengan lebih kritis dan dapat menyuarakan pandangan serta soalan tentang bahan bacaan adalah penting agar murid dapat mempersiapkan diri untuk menghadapi soalan-soalan kefahaman subjektif jenis inferens dan analisis. Penggunaan rutin-rutin berfikir yang sesuai dapat membina kemampuan murid berfikir dengan lebih berstruktur bagi memudahkan mereka memahami teks yang dibaca dan dapat menjawab soalan kefahaman dengan lebih baik. Pemilihan tema-tema bersifat sejarah dalam bentuk penceritaan yang mudah difahami juga diselitkan dalam bahan-bahan bacaan untuk mengenalkan murid kepada cerita-cerita asal usul nama-nama tempat di Singapura yang jarang sekali diceritakan kepada generasi muda ini.

Tujuan Kajian

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk:

1. mendedahkan murid kepada cerita-cerita asal usul nama-nama tempat di Singapura menerusi kad Pintar Baca;
2. menilai keberkesanannya penggunaan rutin berfikir dalam membantu murid memahami cerita; dan
3. meningkatkan kebolehan murid memahami teks dan menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif.

Kajian Lepas

Kajian Duke dan Pearson (2009)³ menyatakan pentingnya latihan kefahaman membaca yang efektif misalnya, interaksi di antara murid dengan guru, pertanyaan yang diajukan, menyuarakan pendapat serta membuat ramalan bagi mewujudkan pemahaman yang mendalam mengenai teks bacaan tersebut. Duke dan Pearson juga menyatakan bahawa pembaca yang baik ialah pembaca aktif yang melihat di luar struktur teks dan meramalkan apa yang mungkin berlaku berkaitan peristiwa dalam teks. Ramalan yang mereka berikan merupakan asas bagi pemahaman seterusnya. Murid bukan sahaja berinteraksi dengan guru, tetapi bersama rakan sebaya. Strategi-strategi yang telah diajar menilai pemahaman murid dan memastikan bahawa mereka membuat kaitan dengan teks sebelum membuat ramalan dan mencari bukti-bukti.

Menurut Pearson dan Tierney (1984)⁴, kemahiran membaca dilihat sebagai satu proses mental yang aktif yang melibatkan pengajaran mencungkil makna daripada teks. Hal ini menunjukkan bahawa proses memahami teks yang dibaca melibatkan aktiviti-aktiviti kognitif yang membolehkan pembaca memproses maklumat secara aktif.

Menurut Yahya Othman (2004)⁵, membaca merupakan proses interaksi antara teks dengan imaginasi pembaca. Guru harus peka dalam mempelbagaikan teknik pengajaran membaca agar dapat menjadikan pengajaran lebih bervariasi dan menarik. Dengan melakukan demikian guru dapat merangsang murid untuk belajar dengan lebih bersungguh-sungguh. Beliau juga menegaskan pembaca perlu menggunakan kemahiran berfikir untuk memproses maklumat secara berkesan.

Ron Ritchhart dan David Perkins (2005)⁶ dalam kajian *Project Zero*, menegaskan penggunaan rutin berfikir bagi menggalakkan murid melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran. Lebih daripada 20 jenis rutin berfikir telah disarankan bagi penggunaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk menyokong dan mengukuhkan budaya berfikir di bilik darjah. Antara rutin berfikir yang digunakan ialah Lihat-Fikir-Tanya (*See-Think-Wonder*), Fikir-Tanya- Teroka (*Think-Puzzle-Explore*), Mata Kompas (*Compass Points*) dan Kaitkan- Luaskan-Cabar (*Connect-Extend-Challenge*). Pelajar aktif bertukar-tukar fikiran dan guru-guru dapat menilai cara pelajar-pelajar berfikir. Guru dapat memantau, menilai dan memahami cara pemikiran murid semasa murid bertukar-tukar fikiran dan pendapat. Dengan ini, guru dapat merancang pengajaran yang lebih bermakna dan berkesan. Para pengkaji akur bahawa rutin berfikir dapat membangunkan keupayaan berfikir murid dan mendorong murid supaya lebih bermotivasi dalam pelajaran.

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018)⁷ telah menerbitkan sebuah pakej PdP bagi menggalakkan para guru menerapkan dan membina kemahiran berfikir dalam kalangan para murid. Usaha itu adalah untuk menyokong strategi ‘Menjadikan Pemikiran Jelas (MPJ) atau *Making Thinking Visible (MTV)* yang merupakan “...satu pendekatan berdasarkan penyelidikan yang sistematis untuk mengintegrasikan pembangunan pemikiran dengan pembelajaran kandungan berkaitan sesuatu tajuk atau mata pelajaran.” MPJ mempunyai dua matlamat yakni pertama, untuk memupuk kemahiran berfikir murid dan membina sikap (*disposition*) mereka – tahu cara berfikir, dapat menyampaikan idea dan cekap bertindak. Kedua, untuk memahami dan mendalami pembelajaran kandungan pengetahuan tentang sesuatu topik atau mata pelajaran.

Salmah Haji Ayob (1981)⁸ menegaskan kepentingan para pendidik mendedahkan murid pada cerita-cerita sejarah kerana murid “akan dapat mengalami suatu hubungan mesra dengan warisan sejarah tanah airnya seperti dengan tokoh-tokoh dan pejuang-pejuang kebangsaan.” Cerita-cerita sejarah sebegini “...menjadi contoh kenyataan atau realiti untuk menimbulkan inspirasi para pembaca remaja yang penuh dengan cita-cita untuk mencontohi imej tokoh-tokoh negara yang berjasa kepada bangsa dan tanah air...buku-buku tersebut dapat mendidik kanak-kanak menjadi rakyat yang berguna... bukan setakat menarik minat membaca tapi juga dapat dijadikan tauladan hidup kepada mereka.”

Kaedah Kajian

Kajian ini bersifat kajian lapangan berbentuk tinjauan deskriptif. Kajian ini berdasarkan pemantauan dan pemerhatian guru terhadap reaksi murid dan khusus melihat keberkesanannya teknik penggunaan tiga rutin berfikir dalam PdP kefahaman membaca. Rutin-rutin berfikir yang digunakan merupakan antara usaha para guru untuk menyediakan perancah bagi murid mengatasi kesukaran mereka dalam menjawab soalan-soalan kefahaman. Rutin-rutin berfikir yang dipilih adalah seperti yang tertera dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1
Rutin –rutin Berfikir

Tahap	Rutin Berfikir
Darjah 2	Fikir-Berpasangan-Berkongsi (<i>Think-Pair-Share</i>) FBB
Darjah 3	Lihat-Fikir-Tanya (<i>See-Think-Wonder</i>) LFT
Darjah 4	Fikir-Tanya-Teroka (<i>Think-Puzzle-Explore</i>) FTT

Rutin-rutin berfikir ini diterapkan dalam PdP untuk menyokong murid dalam memahami teks dan memberi penekanan kepada penggunaan strategi yang telah diajar agar murid memahami teks-teks cerita asal usul nama-nama tempat di Singapura yang diberikan. Ini dilakukan kerana terdapat keperluan untuk menunjukkan kepada murid bahawa strategi-strategi yang diajar boleh digunakan untuk memahami teks bacaan. Setiap rutin ini mempunyai tujuan dan langkah-langkah tertentu. Jadual 2 berikut menerangkan bahagian ini untuk tiga rutin berfikir yang dipilih untuk kajian ini.

Jadual 2
Tujuan dan Langkah-langkah Rutin –rutin Berfikir

Rutin	Tujuan	Langkah-langkah/Soalan-soalan panduan
FBB	Memberi penerangan dan sebab secara aktif	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tanyakan soalan 2. Fikirkan jawapan dalam beberapa minit 3. Kongsi pandangan dengan pasangan 4. Dengar pandangan pasangan 5. Tuliskan atau lukiskan idea sebelum dan sesudah perkongsian
LFT	Meneliti hasil kerja seni dan bahan-bahan rangsangan serta perkara-perkara menarik	<ol style="list-style-type: none"> 1. Apakah yang awak lihat? (Lihat) 2. Apakah pendapat awak tentang benda/perkara itu? Atau apakah yang sedang berlaku? (Fikir) 3. Apakah perkara yang menghairankan awak berkaitan benda/perkara tersebut? (Tanya)
FTT	Menetapkan penelitian berkaitan topik dengan lebih mendalam	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tunjukkan gambar/imejan kepada murid. Berikan masa 2-3 minit sebelum mereka menjelaskannya. 2. Apakah topik yang berkaitan dengan gambar/imej ini? (Fikir) 3. Apakah persoalan atau soalan yang mahu murid tanyakan tentang topik ini? (Tanya) 4. Apakah yang murid mahu teroka tentang hal yang ditanyakan berkaitan topik ini? (Teroka)

Kajian ini juga melibatkan analisis secara kuantitatif dan kualitatif. Setiap peringkat akan menangani sebuah cerita yang diambil daripada kad Pintar Baca mengikut tahap masing-masing. Strategi rutin-rutin berfikir dilaksanakan di bilik darjah melalui penggunaan templat-templat tertentu untuk melihat proses pemikiran dan pemahaman murid semasa mengikuti PdP di bilik darjah. Guru memantau respons murid berdasarkan kerja kumpulan dan kerja kendiri. Murid-murid juga dikehendaki menjawab soalan-soalan kefahaman yang disesuaikan mengikut tahap keupayaan mereka. Sampel-sampel jawapan berdasarkan perbincangan bagi aktiviti berkumpulan dan latihan kendiri murid dianalisis secara kualitatif untuk mengenal pasti pencapaian murid pada akhir pengajaran kefahaman tersebut. Maklum balas murid menerusi borang soal selidik yang dilakukan akan diteliti dan dianalisis secara kuantitatif bagi melihat keberkesanan penggunaan rutin-rutin berfikir yang telah diterapkan.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada sekitar 189 orang murid yang mengambil Bahasa Melayu di Darjah 2, 3 dan 4 dari sembilan buah sekolah rendah di sekitar Singapura. Setiap sekolah ini diterajui oleh seorang guru bahasa Melayu yang terlibat dalam pembinaan bahan bagi kad Pintar Baca yang digunakan dalam kajian ini. Taburan jumlah murid bagi setiap sekolah adalah seperti yang tertera dalam Jadual 3 berikut:

Jadual 3

Jumlah Subjek Kajian Berdasarkan Sekolah

Sekolah	Tahap	Jumlah Murid
A	Darjah 2	20
B	Darjah 2	25
C	Darjah 2	25
D	Darjah 3	16
E	Darjah 3	15
F	Darjah 3	15
G	Darjah 4	23
H	Darjah 4	20
I	Darjah 4	30

Secara umum, tahap kemahiran pemahaman membaca para murid adalah agak sederhana. Sebelum kajian ini dijalankan, murid sudah dilengkapi dengan pengetahuan asas nahu-nahu tatabahasa bahasa Melayu dan didedahkan kepada strategi membaca. Pemilihan subjek bagi peringkat ini dilakukan untuk melatih dan meningkatkan keupayaan murid dalam menjawab soalan kefahaman subjektif. Kesemua sembilan guru yang mengajar kelas-kelas tersebut telah mengaplikasikan rutin-rutin berfikir mengikut tahap (seperti Jadual 1) untuk meningkatkan keupayaan murid berfikir mengenai cerita dari kad Pintar Baca yang diberikan.

Instrumen**Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Templat rutin berfikir FBB, LFT dan FTT
2. Petikan cerita / kefahaman beserta soalan-soalan kefahaman subjektif dari kad-kad Pintar Baca mengikut tahap murid (P2, P3 dan P4). Senarai cerita yang dipilih oleh setiap sekolah berdasarkan kad Pintar Baca tertera dalam Jadual 3 berikut:

Jadual 4

Senarai cerita dari kad Pintar Baca Berdasarkan Sekolah

Sekolah	Tahap	Tajuk Cerita Asal Usul
A	Darjah 2	Bedok
B	Darjah 2	Telok Kurau
C	Darjah 2	Tampines
D	Darjah 3	Tanjong Pagar
E	Darjah 3	Kampung Glam
F	Darjah 3	Seletar
G	Darjah 4	Tiong Bahru
H	Darjah 4	Bukit Batok
I	Darjah 4	Kampung Tempe

3. Lembaran-lembaran kerja – berkumpulan dan individu
4. Kad Kriteria Kejayaan
5. Borang soal selidik murid

Kajian rintis ini berpusatkan kepada cara pengajaran guru dan pembelajaran pelajar. Guru menggunakan strategi-strategi Mengenalkan dan Meneroka yang terdapat dalam Rutin Berfikir. Tiga rutin berfikir dalam kategori ini digunakan dalam kajian ini. Respons murid semasa perbincangan turut dinilai untuk memantau kelakonan murid dalam mengembangkan idea yang berkaitan dengan topik. Markah yang diperoleh daripada latihan menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif digunakan untuk mengenal pasti pemahaman murid mengenai teks setelah aktiviti prabacaan dijalankan. Guru juga mengambil kira respons murid melalui alat penilaian kendiri sebagai maklum balas tentang keberkesanan kaedah yang digunakan dalam pengajaran.

Prosedur Kajian

- i. Peringkat awal kajian

Pada peringkat awal kajian, murid-murid telah diberikan kad Pintar Baca dan diarahkan oleh guru untuk membaca cerita yang telah dipilih secara kendiri. Murid-murid kemudian menduduki kertas

praujian untuk mengetahui keupayaan mereka menjawab soalan-soalan kefahaman yang terdapat dalam kad-kad Pintar Baca tersebut. Pada peringkat ini, murid-murid belum lagi didedahkan kepada strategi pengajaran rutin berfikir yang bakal digunakan dalam kajian ini. Langkah ini bertujuan untuk mengenal pasti dengan lebih terperinci tentang pemasalahan yang dihadapi murid ketika menjawab soalan-soalan kefahaman. Melalui praujian yang dijalankan, didapati bahawa antara masalah utama yang dihadapi murid adalah seperti berikut:

- Murid kurang atau tidak memahami petikan yang dibaca.
- Murid kurang atau tidak memahami kehendak soalan.
- Murid memberikan jawapan yang tidak lengkap.
- Murid memberikan jawapan yang salah.

ii. Peringkat intervensi

Guru melaksanakan intervensi dengan merancang sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan Pengajaran Eksplisit. Perancangan yang terperinci dilakukan bagi menyiapkan dan menjalankan intervensi dengan teliti. Guru memilih rutin berfikir yang ingin diterapkan dalam PdP dan menyediakan bahan-bahan untuk digunakan dalam pelajaran tersebut. Guru menyiapkan templat dan lembaran kerja bagi rutin berfikir untuk mendokumentasi pembelajaran murid. Rutin-rutin berfikir yang digunakan telah diajar kepada murid secara berperingkat-peringkat. Aktiviti perancangan telah dilakukan untuk murid melengkapkan latihan yang diberikan secara berkumpulan atau berpasangan dan secara memberikan sumbang saran sebelum hasil pembelajaran mereka dinilai secara individu. Ini dilakukan untuk memastikan bahawa murid memahami sepenuhnya penggunaan rutin berfikir yang diperkenalkan dan dapat mengenal pasti aspek-aspek penting yang dikeutarakan bagi setiap rutin untuk digunakan bagi mengatasi kesukaran yang dihadapi serta bersikap lebih yakin apabila melengkapkan tugas secara individu.

Pada setiap peringkat aktiviti dijalankan, guru akan memantau perkembangan pemahaman murid bermula daripada tahap memahami petikan bacaan bagi setiap perenggan yang dibaca. Guru menggunakan rutin berfikir yang dipilih bagi membantu murid-murid berfikir secara lantang, memberikan pendapat dan pandangan mereka mengenai sesuatu isu yang dibincangkan berkaitan dengan topik dan juga memberi peluang kepada murid untuk berfikir dan meneroka idea-idea baharu untuk menambah nilai perbincangan yang berlangsung. Murid juga diberi kebebasan bersuara untuk menyatakan pandangan, berkongsi pengalaman dan bertanyakan soalan. Pada peringkat ini, guru ingin melihat kemampuan murid berfikir dan meluahkan perasaan atau pandangan mereka dalam proses memahami isi kandungan teks yang dibaca.

iii. Peringkat penilaian

Setelah selesai menjalankan intervensi, aktiviti pascaujian dijalankan untuk melihat keberkesanan sesi intervensi dan meneliti kesannya terhadap murid-murid. Dalam proses pengajaran eksplisit, penilaian boleh dilakukan dipelbagai peringkat. Penilaian sebegini membantu guru melihat keberkesanan strategi rutin berfikir pada peringkat latihan terbimbing dan latihan kendiri. Guru boleh menilai pemahaman murid dengan menanyakan soalan atau melakukan aktiviti-aktiviti

ringkas menggunakan lembaran kerja atau templat-templat tertentu di mana murid akan menuliskan pandangan atau membuat refleksi mengenai topik yang dibincangkan. Catatan refleksi atau renungan murid-murid ini yang akan dianalisis dan menjadi dapatan kualitatif bagi kajian ini. Murid juga boleh digalakkan memberikan contohan secara verbal dan spontan serta mendapatkan persetujuan rakan sebaya mengenai jawapan tersebut. Pada sesi penilaian ini juga, guru akan memberikan borang soal selidik di mana murid akan menilai sendiri kemampuan mereka dalam memahami perkara-perkara yang telah dibincangkan dalam pelajaran tersebut. Borang soal selidik merupakan soalan tertutup dengan menggunakan skala Likert empat poin, iaitu 1- Sangat Tidak setuju, 2- Tidak Setuju, 3- Setuju dan 4- Sangat setuju. Lima soalan dalam borang tersebut mempersoalkan mengenai tahap keupayaan murid menjalani aktiviti-aktiviti dalam pelajaran tersebut. Dapatan dari soal selidik ini merupakan dapatan kuantitatif yang akan digunakan bagi meneliti keberkesanan intervensi yang dilaksanakan. Bagi peringkat murid yang lebih rendah misalnya murid-murid di darjah 2, guru akan melakukan sesi penilaian ini bersama-sama mereka agar setiap bahagian dapat difahami dengan jelas dan murid lebih terpandu untuk memberikan maklum balas yang jitu.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Bahagian ini membentangkan analisis dapatan kajian secara kualitatif dan kuantitatif bagi 189 orang murid. Analisis bahagian ini berasaskan data praujian dan pascaujian serta maklum balas dari responden.

i. Dapatan kuantitatif – Praujian dan Pascaujian

Pada peringkat praujian, murid-murid telah diberikan empat soalan terbuka kefahaman berdasarkan cerita yang dibaca dari kad Pintar Baca untuk dijawab. Setiap soalan diberikan 2 markah dan murid menuliskan jawapan mereka di lembaran kerja yang diberikan. Pada peringkat ini, murid belum lagi didedahkan pada rutin berfikir. Sejurus selepas membaca petikan cerita, murid melakukan lembaran kerja dan menjawab soalan-soalan kefahaman. Jadual 4, 5 dan 6 menunjukkan soalan-soalan kefahaman yang diberikan bagi darjah 2, 3 dan 4 bagi praujian dan pascaujian.

Jadual 5

Soalan-soalan kefahaman bagi Peringkat Darjah 2

Sekolah	Tahap	Tajuk Cerita Asal Usul	Soalan-soalan kefahaman
A	Darjah 2	Bedok	<ol style="list-style-type: none"> Apakah pekerjaan kebanyakan penduduk kampung Bedok? Nelayan-nelayan menaiki apa untuk ke tengah laut? Mengapakah penduduk kampung menamakan kampung itu Bedok? Mengapakah nama Haji Salam dipilih sebagai nama jalan?

B	Darjah 2	Telok Kurau	<ol style="list-style-type: none"> 1. Di manakah datuk Bidin tinggal dahulu? 2. Mengapakah kampung Atuk dinamakan Telok Kurau? 3. Selain ikan kurau segar, apakah yang dijual di pasar oleh nelayan kampung itu? 4. Mengapakah terdapat banyak lembu di kawasan kampung itu?
C	Darjah 2	Tampines	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bilakah Tampines mendapat namanya? 2. Mengapa nama Tampines diambil? 3. Bagaimanakah rupa pokok Tampines? 4. Apakah yang dibina di Tampines pada tahun 1978?

Jadual 6

Soalan-soalan kefahaman bagi Peringkat Darjah 3


Sekolah	Tahap	Tajuk Cerita Asal Usul	Soalan-soalan kefahaman
D	Darjah 3	Tanjong Pagar	<ol style="list-style-type: none"> 1. Apakah pekerjaan kebanyakan penduduk kampung Bedok? 2. Nelayan-nelayan menaiki apa untuk ke tengah laut? 3. Mengapakah penduduk kampung menamakan kampung itu Bedok? 4. Mengapakah nama Haji Salam dipilih sebagai nama jalan?
E	Darjah 3	Kampung Glam	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengapakah Faiz mahu mencari maklumat tentang Kampung Glam? 2. Siapakah pemilik istana Kampung Glam? 3. Namakan satu kegunaan pokok gelam. 4. Apakah yang telah berlaku kepada istana Kampung Glam?
F	Darjah 3	Seletar	<ol style="list-style-type: none"> 1. Apakah nama kampung nenek Citra? 2. Bagaimanakah Seletar mendapat namanya? 3. Apakah yang gemar dilakukan oleh Orang Laut Seletar? 4. Bagaimanakah Orang Seletar mencari rezeki?

Jadual 7

Soalan-soalan kefahaman bagi Peringkat Darjah 4

Sekolah	Tahap	Tajuk Cerita Asal Usul	Soalan-soalan kefahaman
G	Darjah 4	Tiong Bahru	<ol style="list-style-type: none"> Apakah maksud nama Tiong Bahru? Apakah yang boleh didapati di kawasan Tiong Bahru pada awal abad ke-20? Kompleks perumahan pertama di Tiong Bahru mempunyai kaitan dengan pemerintahan apa? Berikan satu fungsi rumah-rumah di Tiong Bahru.
H	Darjah 4	Bukit Batok	<ol style="list-style-type: none"> Di manakah Amin dan Matin berada? Apakah makna ‘bukit’? Apakah yang terdapat di kampung Gassing? Apakah maksud Bukit Batok ?
I	Darjah 4	Kampung Tempe	<ol style="list-style-type: none"> Kawasan masjid Al-Huda dahulunya merupakan tempat apa? Siapakah Wak Sidol? Mengapakah orang kampung mula meniaga tempe? Apakah perbezaan dahulu dan sekarang yang dapat dilihat di kawasan Kampung Tempe?


Rajah 1 hingga Rajah 3 berikut pula menunjukkan pencapaian murid di peringkat praujian dan pascaujian bagi Darjah 2, 3 dan 4.



Gambarajah 1. Markah praujian dan pascaujian bagi Peringkat Darjah 2


Rajah 1 menunjukkan terdapatnya peningkatan dari segi peratusan murid yang berjaya mendapat 6 hingga 8 markah pada pascaujian berbanding dengan praujian bagi soalan-soalan yang sama. Ini membuktikan bahawa setelah intervensi menggunakan strategi rutin berfikir Fikir-Berpasangan-Berkongsi, lebih ramai murid berupaya memahami isi kandungan teks yang dibaca dan berjaya menjawab soalan kefahaman dengan tepat. Peningkatan sebanyak 60% bagi setiap sekolah A, B dan C telah dicapai bagi murid darjah 2 yang menjalani kajian ini.

Rajah 2 berikut juga menunjukkan terdapatnya peningkatan dari segi peratusan markah yang dicapai oleh para murid darjah 3. Sekolah D mencapai 37% tambah nilai, sekolah E mendapat 53% pencapaian manakala sekolah F pula mendapat penambahbaikan sebanyak 34% murid yang berjaya memperbaik markah kefahaman mereka. Bagi sekolah-sekolah ini, rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya telah diterapkan dalam PdP semasa menggunakan bahan cerita dari kad Pintar Baca.



Gambarajah 2. Markah praujian dan pascaujian bagi Peringkat Darjah

Rajah 3 berikut juga memperlihatkan kenaikan peratusan pencapaian murid dalam menjawab soalan-soalan kefahaman dari kad Pintar Baca bagi cerita-cerita asal usul yang digunakan. Tiga buah sekolah yang mempunyai responden dalam kalangan murid darjah 4 ini menunjukkan peratusan kenaikan antara 17% hingga 22%. Para guru bagi tiga sekolah ini pula telah memilih untuk menggunakan rutin berfikir Fikir-Tanya-Teroka bagi menggalakkan dan membantu murid-murid darjah 4 mereka menambah nilai pengetahuan, pemahaman dan mempelajari teknik menjawab soalan-soalan kefahaman dengan lebih baik. Dari peningkatan ini, dapat dinyatakan bahawa strategi rutin berfikir dapat membantu murid berfikir lebih mendalam dan meneroka pandangan dan idea bagi membantu mereka memahami teks-teks bacaan dengan lebih baik.



Gambarajah 3. Markah praujian dan pascaujian bagi Peringkat Darjah 4

i. Dapatan kualitatif – Lembaran kerja dan Maklum balas

Penggunaan pelbagai rutin berfikir bagi setiap peringkat memerlukan perancangan yang teliti oleh guru. Penggunaan pelbagai templat dalam lembaran kerja bagi melaksanakan rutin-rutin tersebut dipercayai dapat menjadi perancah bagi menjana pemikiran murid. Pengkaji telah memilih tiga rutin berfikir teras untuk digunakan bagi kajian ini. Rutin-rutin tersebut ialah Fikir-Berpasangan-Berkongsi untuk Darjah 2, Lihat-Fikir-Tanya untuk Darjah 3 dan Fikir-Tanya-Teroka untuk Darjah 4. Pengkaji juga memberi kebebasan untuk para guru yang terlibat merancang dan mencipta templat rutin-rutin ini mengikut kesesuaian dan tahap kemahiran murid-murid mereka. Namun begitu, para guru masih tetap mengekalkan ciri dan amalan bagi setiap rutin yang digunakan untuk tujuan keselarasan dan kesesuaian semasa menjalankan aktiviti tersebut. Pengkaji juga memastikan proses pengajaran secara eksplisit dilaksanakan dan para guru harus menjalankan lima langkah pengajaran eksplisit dengan teliti. Penerapan rutin berfikir dalam pengajaran eksplisit juga boleh dilakukan di pelbagai tahap pengajaran. Misalnya, guru boleh merancang untuk menggunakan rutin Fikir-Berpasangan-Berkongsi pada bahagian Induksi, Modeling dan Latihan Terbimbing secara bertahap-tahap. Dengan cara ini, murid-murid akan lebih terbimbing untuk melengkapkan aktiviti dan lembaran kerja bagi mendapatkan pandangan murid mengenai topik yang ingin dibincangkan. Contoh lembaran kerja dalam Rajah 4, 5 dan 6 berikut menunjukkan penggunaan rutin-rutin berfikir yang dilaksanakan bersama dengan murid-murid darjah 2, 3 dan 4.

<div style="border: 1px solid black; padding: 10px;"> <p>Rutin Berfikir: Fikir-Berpasangan-Berkongsi (Think-Pair-Share)</p> <p>Name: _____ Kelas: _____ Tahun: _____</p> <p>Pada zaman dahulu, ada sebuah kompung di Kawasan Timur Singapura yang terdiri sekitar kota. Kebanyakan penduduk kompung itu berjaya sebagai ahli dagang yang sering menyandang bukuk atau kompi ke tengah-tengah untuk menengah ramai.</p> <p>Soalan 1: Apakah pekerjaan ketonyokan penduduk kompung Bedford?</p> <p>Makna 3 perkataan yang sular pada pandangan kamu</p> <p>Pandangan kawan kamu</p> <p>Selepas berbincang, kami setuju bawanya...</p> </div>	<div style="border: 1px solid black; padding: 10px;"> <p>Rutin Berfikir: Fikir-Berpasangan-Berkongsi (Think-Pair-Share)</p> <p>Guru Asas Untuk Terik Kurus</p> <p>Name: _____ Kelas: _____ Tahun: _____</p> <p>2 perkataan berlawan yang saya pelajari</p> <p>2 perkataan berlawan yang kawan saya tahu</p> <p>2 perkataan berlawan yang kami baru tahu</p> </div>	<div style="border: 1px solid black; padding: 10px;"> <p>Rutin Berfikir: Fikir-Berpasangan-Berkongsi (Think-Pair-Share)</p> <p>Cerita Asas Untuk Tampons</p> <p>Name: _____ Kelas: _____ Tahun: _____</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th>Saya faham...</th> <th>Kawan saya kata...</th> <th>Kami rasa...</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">→</td> <td style="text-align: center;">→</td> <td style="text-align: center;">→</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">→</td> <td style="text-align: center;">→</td> <td style="text-align: center;">→</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">→</td> <td style="text-align: center;">→</td> <td style="text-align: center;">→</td> </tr> </tbody> </table> <p>Tampops terdiri di Kawasan Utara Singapura. Zonaks, kawasan ini merupakan kawasan yang dilalui oleh jalan-jalan besar, tanah paya dan hasil.</p> <p>Pada tahun 1822, nama Tampops diberi sempena nama Sungai Tempeka dan kawasan ini menjadi Tampops kerana kawasan itu dipenuhi dengan pokok tempeka.</p> <p>Pokok tempeka tidak sahaja memberi bayangan dan sejuk dingin, tetapi ia juga boleh digunakan untuk membuat rumah.</p> </div>	Saya faham...	Kawan saya kata...	Kami rasa...	→	→	→	→	→	→	→	→	→
Saya faham...	Kawan saya kata...	Kami rasa...												
→	→	→												
→	→	→												
→	→	→												
<div style="border: 1px solid black; padding: 10px;"> <p>Rutin Berfikir: Fikir-Berpasangan-Berkongsi (Think-Pair-Share)</p> <p>Cerita Asas Untuk Tampons</p> <p>Name: _____ Kelas: _____ Tahun: _____</p> <p>Pada zaman dahulu, ada sebuah kompung di Kawasan Timur Singapura. Zonaks, kawasan ini merupakan kawasan yang dilalui oleh jalan-jalan besar, tanah paya dan hasil.</p> <p>Soalan 1: Apakah pekerjaan ahli dagang yang sering menyandang bukuk atau kompi ke tengah-tengah untuk menengah ramai.</p> <p>Makna 3 perkataan yang sular pada pandangan kamu</p> <p>Pandangan kawan kamu</p> <p>Selepas berbincang, kami setuju bawanya...</p> </div>	<div style="border: 1px solid black; padding: 10px;"> <p>Rutin Berfikir: Fikir-Berpasangan-Berkongsi (Think-Pair-Share)</p> <p>Guru Asas Untuk Terik Kurus</p> <p>Name: _____ Kelas: _____ Tahun: _____</p> <p>2 perkataan berlawan yang saya pelajari</p> <p>3) Sifat-sifat diri</p> <p>2) Sifat-sifat kerus</p> <p>3) Sifat-sifat jahat</p> <p>2 perkataan berlawan yang kawan saya tahu</p> <p>3) Sifat-sifat diri</p> <p>2) Sifat-sifat kerus</p> <p>3) Sifat-sifat jahat</p> <p>2 perkataan berlawan yang kami baru tahu</p> <p>3) Sifat-sifat diri</p> <p>2) Sifat-sifat kerus</p> <p>3) Sifat-sifat jahat</p> </div>	<div style="border: 1px solid black; padding: 10px;"> <p>Rutin Berfikir: Fikir-Berpasangan-Berkongsi (Think-Pair-Share)</p> <p>Cerita Asas Untuk Tampons</p> <p>Name: _____ Kelas: _____ Tahun: _____</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th>Saya faham...</th> <th>Kawan saya kata...</th> <th>Kami rasa...</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">→</td> <td style="text-align: center;">→</td> <td style="text-align: center;">→</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">→</td> <td style="text-align: center;">→</td> <td style="text-align: center;">→</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">→</td> <td style="text-align: center;">→</td> <td style="text-align: center;">→</td> </tr> </tbody> </table> <p>Tampops terdiri di Kawasan Utara Singapura. Zonaks, kawasan ini merupakan kawasan yang dilalui oleh jalan-jalan besar, tanah paya dan hasil.</p> <p>Pada tahun 1822, nama Tampops diberi sempena nama Sungai Tempeka dan kawasan ini menjadi Tampops kerana kawasan itu dipenuhi dengan pokok tempeka.</p> <p>Pokok tempeka tidak sahaja memberi bayangan dan sejuk dingin, tetapi ia juga boleh digunakan untuk membuat rumah.</p> </div>	Saya faham...	Kawan saya kata...	Kami rasa...	→	→	→	→	→	→	→	→	→
Saya faham...	Kawan saya kata...	Kami rasa...												
→	→	→												
→	→	→												
→	→	→												

Gambarajah 4. Lembaran kerja bagi Latihan Terbimbing untuk Darjah 2 Rutin Fikir-Berpasangan-Berkongsi

Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa dari jawapan-jawapan yang diberikan oleh murid-murid yang melakukan aktiviti-aktiviti dan melengkapkan lembaran kerja bagi rutin FBB ini, berlakunya proses di mana murid-murid dibimbing secara bertahap-tahap bagi memahami bahan bacaan atau imejan yang diberikan. Pada tahap pertama, murid didedahkan pada bahan bacaan atau imejan yang dirancang. Murid diberi masa untuk berfikir dan menggunakan pengetahuan atau pengalaman sedia ada mereka untuk memahami dan membuat kaitan makna dengan bahan yang dibaca atau dilihat. Pada tahap ini, guru hanya ingin melihat sejauh mana murid dapat berkongsi pengetahuan sedia ada ini sebagai satu permulaan untuk meneruskan aktiviti selanjutnya. Peluang juga disediakan untuk murid saling bertukar pandangan dan pendapat dengan rakan sebaya untuk menambah nilai pengetahuan mereka pada tahap kedua. Di sini, murid secara tidak langsung, diajar untuk mendengar, menghormati dan menerima pendapat dan pandangan yang dikongsi oleh rakan mereka. Peluang ini akan menimbulkan rasa percaya terhadap rakan dan juga meningkatkan keyakinan diri murid untuk berani menyuarakan pendapat tanpa perlu rasa khuatir akan ditindas. Di bahagian akhir carta, terbukti bahawa wujudnya unsur pembelajaran kolaboratif di mana murid bersama pasangan mereka berupaya mencapai satu persetujuan dan mendokumentasi pemahaman mereka dengan memberikan contohan jawapan. Perkara sebegini menggalakkan murid-murid belajar mendengar pandangan rakan, belajar memberi alasan dan bukti untuk menegakkan pendapat mereka dan memikirkan cara untuk mencapai kata sepakat dalam pemilihan jawapan yang hendak dikongsi bersama.

<p>Rutin Belajar Lihat-Fikir-Tanya (See-Think-Wonder) Centra Asia Usul Tanyang Pagar</p> <p>Name: _____ Topic: _____</p> <p>Saya Lihat... Apa yang kamu lihat? Saya _____</p> <p>1) Kapal 2) sempon 3) laut 4) temperaturas 5) bush polo 6) Stanford Raffters</p> <p>Saya Fikir... Apakah yang kamu bicarakan ketika melihat gambar ini? Mungkin ada beberapa pertanyaan yang muncul di benakmu tentang gambar ini...</p> <p>1) Apakah kapal ini sedang berada di dalam laut? 2) Pemandu bengkar buah? 3) Apakah buah itu segar? 4) Bagaimana rasa tempeh roti?</p> <p>Saya Tanya... Apakah yang kamu tanya tentang gambar ini? Mungkin ada beberapa pertanyaan yang muncul di benakmu tentang gambar ini...</p> <p>1) bagaimana bentuk kapal? 2) bagaimana bentuk buah? 3) bagaimana bentuk buah? 4) bagaimana bentuk buah? 5) bagaimana bentuk buah?</p>	<p>Rutin Belajar Lihat-Fikir-Tanya (See-Think-Wonder) Centra Asia Usul Kampung Glam</p> <p>Name: _____ Topic: _____</p> <p>Kelas: _____</p> <p>Saya Lihat</p> <p>Saya Fikir</p> <p>Apa yang saya pikirkan tentang gambar ini? Mungkin ada beberapa pertanyaan yang muncul di benakmu tentang gambar ini...</p> <ul style="list-style-type: none"> - gerak kerangunan - gerak kawalan - sangai - mengangkut barang - tetap dalam - buah - gerak - gerak - gerak <p>Saya Tanya</p> <p>Apa yang saya tanyakan tentang gambar ini? Mungkin ada beberapa pertanyaan yang muncul di benakmu tentang gambar ini...</p> <ul style="list-style-type: none"> - gerak kerangunan - gerak kawalan - sangai - mengangkut barang - tetap dalam - buah - gerak - gerak - gerak 	<p>LHAT-FIKIR-TANYA Centra Asia Usul SELETAR</p> <p>Name Kumpulan: _____ Tariikh: _____</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 33%;">LHAT</th> <th style="width: 33%;">FIKIR</th> <th style="width: 33%;">TANYA</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;"> <p>Addisian jarak banting di titik temu, sebaliknya kawalan punca yang dilakukan.</p> <ul style="list-style-type: none"> * Orang keluarga dilulusi tinggi di dalam setiap hari. * Mereka adalah anak-anak sauh. * Saya bertujuan mengajar mereka dengan baik, mereka wajib aktif dan maklum dan sabar. </td> <td style="text-align: center;"> <p>Abdiaduan atau saran bagi membolehkan gerak dan pergerakan dilakukan.</p> <ul style="list-style-type: none"> * Hidup merasa bersih, hidup mesra. * Saya bertujuan mengajar mereka dengan baik, mereka wajib aktif dan maklum dan sabar. </td> <td style="text-align: center;"> <p>Apabila pelajar dapat orang kampung pada hari</p> </td> </tr> </tbody> </table>	LHAT	FIKIR	TANYA	<p>Addisian jarak banting di titik temu, sebaliknya kawalan punca yang dilakukan.</p> <ul style="list-style-type: none"> * Orang keluarga dilulusi tinggi di dalam setiap hari. * Mereka adalah anak-anak sauh. * Saya bertujuan mengajar mereka dengan baik, mereka wajib aktif dan maklum dan sabar. 	<p>Abdiaduan atau saran bagi membolehkan gerak dan pergerakan dilakukan.</p> <ul style="list-style-type: none"> * Hidup merasa bersih, hidup mesra. * Saya bertujuan mengajar mereka dengan baik, mereka wajib aktif dan maklum dan sabar. 	<p>Apabila pelajar dapat orang kampung pada hari</p>
LHAT	FIKIR	TANYA						
<p>Addisian jarak banting di titik temu, sebaliknya kawalan punca yang dilakukan.</p> <ul style="list-style-type: none"> * Orang keluarga dilulusi tinggi di dalam setiap hari. * Mereka adalah anak-anak sauh. * Saya bertujuan mengajar mereka dengan baik, mereka wajib aktif dan maklum dan sabar. 	<p>Abdiaduan atau saran bagi membolehkan gerak dan pergerakan dilakukan.</p> <ul style="list-style-type: none"> * Hidup merasa bersih, hidup mesra. * Saya bertujuan mengajar mereka dengan baik, mereka wajib aktif dan maklum dan sabar. 	<p>Apabila pelajar dapat orang kampung pada hari</p>						

Gambarajah 5. Lembaran kerja bagi Latihan Terbimbing untuk Darjah 3

Rutin Lihat-Fikir-Tanya

Rutin LFT juga sesuai digunakan sebagai aktiviti perbincangan mengenai topik yang berkaitan dengan petikan kefahaman. Dalam kajian ini, LFT digunakan terutama di bahagian Induksi bagi merangsang dan membantu murid-murid memahami unsur-unsur visual seperti gambar dan video yang berkaitan dengan cerita yang akan dibaca. Murid diharapkan dapat memberikan pandangan tentang perkara yang mereka lihat dan mengajukan soalan-soalan yang berkaitan dengan gambar dan video tersebut. Perbincangan dijalankan secara teratur dan berstruktur dengan menggunakan rutin berfikir LFT. Soalan-soalan yang diajukan memberi peluang kepada murid untuk melakukan ramalan, dan menghubungkaitkan pengetahuan sedia ada dengan pemerhatian tentang isi-isi yang terdapat dalam teks dengan teliti. Dari jawapan murid, dapat disimpulkan bahawa rutin ini berjaya membantu murid mencungkil pengetahuan sedia ada mereka di samping memberi peluang untuk murid menjana idea bagi membentuk soalan-soalan yang ingin ditanyakan bagi mengukuhkan pengetahuan mereka tentang topik yang bakal dibincangkan. Pengkaji juga dapat melihat perkembangan pemikiran murid terutama apabila soalan-soalan yang ingin mereka tanyakan serupa dengan soalan-soalan kefahaman yang disediakan oleh guru. Hal ini membantu dan mendorong murid untuk ingin lebih mengetahui dan memahami isi kandungan teks yang dibaca kerana diperingkat awal, mereka juga telah memikirkan perkara yang sama untuk dibincangkan.

Rutin Berfikir: Fikir-Tanya-Teroka (Think-Puzzle-Explore)
Cerita Asal Usul Tiong Bahru

Nama Kumpulan: _____ Tarikh: _____

Kesimpulan yang diambil dari cerita ini berdasarkan pada rekaan yang menyertai kereta, kapal laut dan pesawat. Selain itu, rumah-rumah di sana juga berfungsi untuk memudahkan para penduduk bergerak dari satu blok ke blok yang lain. Di situ juga merupakan tempat untuk penduduk berjaya, ambi bentara istirah dan menjalin hubungan.

FIKIR	TANYA	TEROKA
Apakah ada peraturan yang berlaku di rumah-rumah tersebut?	Apaakah ada sistem yang baik ini yang terpakai kepada penduduk Tiong Bahru?	Apaakah ada peraturan lain yang sama mutu teroka mengenai Tiong Bahru?

Rutin Berfikir: Fikir-Tanya-Teroka (Think-Puzzle-Explore)
Cerita Asal Usul Bukit Batok

Nama Kumpulan: _____ Tarikh: _____

"Ayah saya pernah mendapat maklumat tentang nama Bukit Batok ini. 'Bukit' bermaksud tanah yang tinggi. Istilah 'batok' pula merujuk kepada tanah yang pertambangan. Pada zaman dahulu, menurut sejarah kampung berketurunan Jawa di sebuah kampung bernama Gasing, terdapat banyak kelapa kelapa tumbuh di atas bukit di kawasan itu. Ibu bercakap, 'Ah, ada orang Jawa. Cek sebab bukit itu ada banyak tanah kelapa, maka kawasan itu dinamakan Bukit Batok', terang Matin."

FIKIR	TANYA	TEROKA
Apaakah ada peraturan yang berlaku di rumah-rumah tersebut?	Apaakah ada sistem yang baik ini yang terpakai kepada penduduk Tiong Bahru?	Apaakah ada peraturan lain yang sama mutu teroka mengenai Tiong Bahru?

Rutin Berfikir: Fikir-Tanya-Teroka (Think-Puzzle-Explore)
Cerita Asal Usul Kampung Tengah

Nama Kumpulan: _____ Tarikh: _____

"Dua ayah dan putera yang mengangkuai rumah mereka selain cerita Kampung Tengah."

FIKIR	TANYA	TEROKA
Dua ayah dan putera yang mengangkuai rumah mereka selain cerita Kampung Tengah?	Walaupun mereka mengangkuai rumah mereka tetapi mereka masih suka membantu orang lain?	Apaakah ada peraturan yang sama mutu teroka mengenai Kampung Tengah?

Rutin Berfikir: Fikir-Tanya-Teroka (Think-Puzzle-Explore)
Cerita Asal Usul Tiong Bahru

Nama Kumpulan: _____ Tarikh: _____

Kesimpulan yang diambil dari cerita ini berdasarkan pada rekaan yang menyertai kereta, kapal laut dan pesawat. Selain itu, rumah-rumah di sana juga berfungsi untuk memudahkan para penduduk bergerak dari satu blok ke blok yang lain. Di situ juga merupakan tempat untuk penduduk berjaya, ambi bentara istirah dan menjalin hubungan.

FIKIR	TANYA	TEROKA
Apaakah ada peraturan yang berlaku di rumah-rumah tersebut?	Apaakah ada sistem yang baik ini yang terpakai kepada penduduk Tiong Bahru?	Apaakah peraturan Tiong Bahru Zaman Sekarang?

Rutin Berfikir: Fikir-Tanya-Teroka (Think-Puzzle-Explore)
Cerita Asal Usul Tiong Bahru

Nama Kumpulan: _____ Tarikh: _____

"Ayah saya pernah mendapat maklumat tentang nama Bukit Batok ini. 'Bukit' bermaksud tanah yang tinggi. Istilah 'batok' pula merujuk kepada tanah yang pertambangan. Pada zaman dahulu, menurut sejarah kampung berketurunan Jawa di sebuah kampung bernama Gasing, terdapat banyak kelapa kelapa tumbuh di atas bukit di kawasan itu. Ibu bercakap, 'Ah, ada orang Jawa. Cek sebab bukit itu ada banyak tanah kelapa, maka kawasan itu dinamakan Bukit Batok', terang Matin."

FIKIR	TANYA	TEROKA
Apaakah ada peraturan yang berlaku di rumah-rumah tersebut?	Walaupun mereka mengangkuai rumah mereka tetapi mereka masih suka membantu orang lain?	Apaakah ada peraturan yang sama mutu teroka mengenai Kampung Tengah?

Gambarajah 6. Lembaran kerja bagi Latihan Terbimbing untuk Darjah 4 Rutin Fikir-Tanya-Teroka

Pada peringkat ini, pengkaji melihat usaha para guru untuk merancang dan melaksanakan rutin FTT sebagai perancah untuk membantu murid memahami isi kandungan petikan cerita asal usul yang dibaca. Guru menyedari hakikat bahawa terdapat beberapa perkataan yang agak sukar dan mungkin tidak difahami oleh murid. Guru ingin menggalakkan murid berfikir akan makna perkataan-perkataan itu dalam konteks ayat yang terdapat dalam petikan dan melazimkan mereka untuk meneka makna mengikut pemahaman mereka sendiri. Dari templat-templat yang ditunjukkan di atas, guru menggunakan cebisan-cebisan petikan dari bahan bacaan penuh untuk membantu merancang pemahaman murid. Justeru, murid hanya akan memberi fokus pada perenggan yang diberikan secara bertahap-tahap. Ini membantu mewujudkan keyakinan murid menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan perenggan tersebut. Rutin FTT juga memberi peluang untuk murid menjana idea dengan lebih mendalam mengenai perenggan cerita yang dibaca. Proses memberi ruang dan masa untuk murid berfikir dan mencipta soalan-soalan yang diinginkan berkaitan topik amat diperlukan dan sangat digalakkan. Proses sebegini mengaktifkan daya pemikiran dan mencetuskan rasa ingin tahu yang mendalam di samping memperlihatkan keupayaan murid untuk memberikan pandangan yang lebih kritis dan kreatif.

Dapatkan kajian kualitatif juga diperolehi dari maklum balas murid dan juga guru. Setiap sekolah menyediakan borang soal selidik yang harus dilengkapkan oleh murid di akhir sesi pengajaran tersebut. Jadual 8, 9 dan 10 berikut menunjukkan dapatkan maklum balas yang diberikan oleh murid Darjah 2, 3 dan 4 dari sembilan buah sekolah yang telah mengambil bahagian dalam kajian ini.

Jadual 8

CAU – Dapatan Maklum balas Murid– Darjah 2 Rutin Berfikir: Fikir-Berpasangan-Berkongsi

	Sekolah	A	B	C
	Jumlah Murid	20	25	25
Bil	Rutin Berfikir: Fikir-Berpasangan-Berkongsi	Dapatan Maklum balas Murid % - Sangat Setuju dan Setuju		
	Saya dapat...			
1.	membaca cerita dengan baik	100 (20)	80 (20)	92 (23)
2.	memahami cerita dengan mudah	80 (16)	80 (20)	72 (18)
3.	menulis dua perkataan baharu yang saya belajar dari petikan	100 (20)	100 (20)	88 (22)
4.	berkongsi dengan rakan satu perkara menarik mengenai cerita yang dibaca	80 (16)	80 (20)	80 (20)
5.	bertanya satu soalan mengenai cerita yang dibaca	65 (13)	56 (14)	60 (15)

Dapatan maklum balas murid yang tertera di Rajah 8 di atas jelas menunjukkan bahawa lebih 80% murid dapat membaca cerita asal usul dari kad Pintar Baca yang digunakan. Lebih 70% murid memahami isi kandungan cerita-cerita tersebut dan jumlah ini sangat menggalakkan kerana difahami bahawa di peringkat ini, masih ramai lagi murid-murid yang tidak tahu membaca apatah lagi memahami petikan teks yang dirasakan agak sukar bagi tahap murid darjah 2. Namun, dengan bimbingan guru dan juga penggunaan rutin berfikir, pengkaji merasakan bahawa murid-murid mendapat sokongan dan bantuan dalam cara yang lebih sistematik untuk mengupas dan memahami isi kandungan cerita yang dibincangkan. Lebih daripada 88% murid juga bersetuju bahawa mereka telah mempelajari kosa kata baharu dan maknanya dengan bantuan rutin berfikir yang dilaksanakan. Sekitar 80% murid suka bekerja dengan rakan sebaya dan bertukar-tukar pandangan tentang sesuatu yang menarik mengenai cerita asal usul yang dibaca. Aktiviti sebegini bertujuan untuk menggalakkan kolaborasi antara murid agar mereka lebih berkeyakinan untuk berkongsi pendapat, berinteraksi dan berkomunikasi dengan sesama sendiri.

Jadual 9

CAU – Dapatan Maklum balas Murid– Darjah 3 Rutin Berfikir: Lihat-Fikir-Tanya

	Jumlah Murid	16	15	20
Bil	Rutin Berfikir: Lihat-Fikir-Tanya Saya dapat...	Dapatan Maklum balas Murid % - Sangat Setuju dan Setuju		
1.	membaca dan memahami cerita dengan baik	100 (16)	100 (15)	100 (20)
2.	menulis tiga perkataan mengenai gambar yang dilihat	75 (12)	67 (10)	60 (12)
3.	melengkapkan penyusun grafik Lihat-Fikir-Tanya	100 (16)	87 (13)	90 (18)
4.	menjawab soalan-soalan kefahaman dengan betul	75 (12)	67 (10)	70 (14)
5.	bertanya satu soalan mengenai cerita yang dibaca	88 (14)	80 (12)	75 (15)

Bagi murid-murid darjah 3 dari tiga buah sekolah ini pula, penggunaan kad Pintar Baca dan strategi rutin berfikir LFT telah berjaya mempertingkat pengetahuan dan pemahaman mereka menjawab soalan-soalan kefahaman. Dari dapatan di Jadual 9, 100% murid dari tiga buah sekolah ini bersetuju bahawa mereka berupaya membaca dan memahami petikan cerita dengan baik. Besar kemungkinan, para guru telah mengambil inisiatif untuk merancang pembacaan bersama secara bertahap bagi membantu murid memahami teks bacaan tersebut. Lebih 60% murid dapat menghasilkan atau memikirkan perkataan-perkataan dari gambar yang berkait rapat dengan cerita asal usul yang akan dibaca oleh murid dari kad Pintar Baca. Ini adalah antara usaha guru untuk mencungkil minat dan pengetahuan sedia ada murid dari peringkat awal pengajaran. Guru juga merancang secara berperingkat untuk membimbing murid melengkapkan borang LFT. Justeru, lebih 87% murid merasakan bahawa mereka tidak menghadapi masalah melengkapkan tugasannya tersebut. Dapatan juga menunjukkan lebih 67% murid berhasil menjawab soalan-soalan kefahaman dengan betul. Jika dirujuk semula dapatan praujian dan pascaujian, terdapat peningkatan yang baik bagi peratusan murid yang berjaya mendapat markah penuh setelah intervensi menggunakan rutin berfikir dijalankan. Guru juga telah berusaha untuk menggalakkan murid memikirkan satu soalan yang ingin mereka tanyakan berkait dengan cerita yang dibaca. Lebih daripada 75% murid darjah tiga ini mampu memikirkan soalan-soalan yang kreatif dan menarik bagi mengetahui lebih lanjut mengenai asal usul tempat di Singapura yang dibincangkan bersama rakan dan guru mereka.

Jadual 10

CAU – Dapatan Maklum balas Murid– Darjah 4 Rutin Berfikir: Fikir-Tanya-Teroka

	Sekolah	G	H	I
	Jumlah Murid	23	20	30
Bil	Rutin Berfikir: Fikir-Tanya-Teroka	Dapatan Maklum balas Murid % - Sangat Setuju dan Setuju		
	Saya dapat...			
1.	membaca dan memahami cerita dengan baik	100 (23)	80 (20)	87 (26)
2.	menulis tiga perkataan mengenai gambar yang dilihat	100 (23)	90 (18)	83 (25)
3.	melengkapkan penyusun grafik Fikir-Tanya-Teroka	87 (20)	75 (15)	73 (22)
4.	menjawab soalan-soalan kefahaman dengan betul	78 (18)	70 (14)	77 (23)
5.	bertanya satu soalan mengenai cerita yang dibaca	100 (23)	90 (18)	83 (25)

Keseluruhan dapatan pada Jadual 10 juga mencerminkan hasil yang positif mengenai penggunaan rutin berfikir FTT dan juga kad Pintar Baca. Dapatan dari tiga buah sekolah yang terlibat dalam kajian ini amat memberangsangkan. Lebih 80% murid darjah 4 ini berupaya membaca dan memahami kandungan teks bacaan cerita asal usul pilihan guru masing-masing. Pada peringkat darjah 4, murid lazimnya sudah mempunyai kemahiran membaca yang lebih baik dan ini memudahkan guru untuk membimbang murid menjana idea bagi memahami teks tersebut. Murid juga dirasakan mempunyai kosa kata yang lebih baik bagi berupaya memikirkan perkataan-perkataan yang dapat dikaitkan dengan gambar yang dipaparkan. Lebih 83% berupaya memberikan kosa kata yang tepat. Lebih 73% murid berupaya melengkapkan penyusun grafik FTT dengan baik. Ini bilangan yang amat menggalakkan kerana murid didapati menghadapi kesukaran untuk memikirkan bahagian manakah lagi yang dapat mereka teroka dan ini memerlukan kemahiran berfikir yang tinggi. Lebih 70% murid merasakan mereka berjaya menjawab soalan-soalan kefahaman setelah intervensi dilaksanakan. Sekitar 83% murid juga dapat memikirkan soalan baharu yang dapat mereka tanyakan mengenai cerita asal usul nama tempat yang dibaca. Ini merupakan satu usaha yang baik untuk menggalakkan pemikiran yang positif dan aktif dalam kalangan murid.

Secara keseluruhan, maklum balas yang murid-murid berikan amat positif. Mereka menyatakan bahawa rutin-rutin berfikir yang digunakan merangsang minat mereka dan menjadikan pembelajaran lisan lebih menarik dan menyeronokkan. Melalui rutin-rutin berfikir FBB, LFT dan FTT, mereka dapat berkomunikasi dan berkongsi idea dengan rakan-rakan mereka.

Murid berpendapat mereka terlibat secara aktif dalam pembelajaran tersebut. Selain memperoleh idea tambahan dan memperkasakan perbendaharaan kata mereka, murid memaklumkan bahawa rutin-rutin ini membantu mereka berfikir dengan lebih berstruktur dan membimbing mereka meneliti respons yang diberikan.

Dapatkan dari kumpulan guru yang terlibat dalam kajian juga diteliti. Jadual 11, 12 dan 13 memperlihatkan pandangan para guru yang telah merancang dan melaksanakan PdP menggunakan rutin-rutin berfikir dan kad-kad Pintar Baca dari darjah 2, 3 dan 4 di sekolah masing-masing.

Jadual 11

Maklum balas Guru – Darjah 2 Rutin Berfikir: Fikir-Berpasangan-Berkongsi

Bil	Guru Sekolah	Maklum balas
1.	A	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan rutin Fikir-Berpasangan-Berkongsi membolehkan murid melakukan ramalan mengenai cerita yang dibaca, berkongsi pendapat dengan teman-teman dan mencapai persetujuan mengenai jawapan yang dipilih dan soalan ini mewujudkan perbincangan selanjutnya. Kad Pintar Baca bagi cerita asal usul merupakan satu bahan yang menarik selain buku teks untuk mengajar murid tentang latar sejarah tempat-tempat di Singapura. Pemenggalan teks memudahkan murid memahami maklumat yang terkandung dalam perenggan tersebut
2.	B	<ul style="list-style-type: none"> Rutin FBB amat memanfaatkan kedua-dua guru dan murid. Ia memerlukan proses perancangan yang teliti namun dapat dilihat hasil yang berkesan dalam peningkatan pemahaman murid. Bahan CAU kad Pintar Baca dapat menarik minat murid-murid P2 saya. Murid-murid seronok membaca dan menimba ilmu daripada cerita-cerita asal usul.
3.	C	<ul style="list-style-type: none"> Guru mendapati bahawa penggunaan rutin berfikir FBB dapat membuat murid-murid lebih terlibat dalam perbincangan. FBB mampu membuat murid untuk bertanya dan berfikir dengan lebih sistematik. Bahan Pintar Baca CAU boleh disesuaikan untuk digunakan bagi murid P2 yang berlainan tahap.

Jadual 12*Maklum balas Guru – Darjah 3 Rutin Berfikir: Lihat-Fikir-Tanya*

Bil	Guru Sekolah	Maklum balas
1.	D	<ul style="list-style-type: none"> • Rutin LFT membantu guru mengajar dengan lebih sistematik dan tersusun. Lebih mudah membimbing murid memahami teks bacaan dan soalan-soalan untuk dijawab. • Guru seronok dapat menghidupkan semula sejarah mengenai tempat-tempat di Singapura melalui penggunaan kad Pintar Baca.
2.	E	<ul style="list-style-type: none"> • Murid dapat memahami teks dan ingat tentang isi-isi dalam setiap perenggan dengan bantuan rutin LFT. • Kad Pintar Baca berupaya menarik minat murid untuk membaca cerita sejarah yang dipermudah untuk mereka memahaminya.
3.	F	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti-aktiviti yang dijalankan berdasarkan rutin LFT mempermudah murid-murid menjawab soalan-soalan kefahaman. • Murid seronok membaca cerita asal usul dari kad Pintar Baca dan terdorong untuk membaca cerita-cerita lain secara kendiri.

Jadual 13*Maklum balas Guru – Darjah 4 Rutin Berfikir: Fikir-Tanya-Teroka*

Bil	Guru Sekolah	Maklum balas
1.	G	<ul style="list-style-type: none"> • Murid gembira dapat belajar daripada rakan-rakan strategi rutin FTT yang seronok dan memberi semua peluang untuk terlibat secara aktif. • Murid suka akan kad Pintar Baca kerana ceritanya yang menarik walaupun teks susah sedikit. Banyak perkataan dan maklumat baharu yang dipelajari.
2.	H	<ul style="list-style-type: none"> • Murid dapat memahami petikan dengan baik apabila menggunakan rutin berfikir FTT ini. • Murid dapat mengaitkan pengalaman mereka tinggal di kawasan yang berkait dengan bahan cerita asal usul dan ini menimbulkan minat untuk berkongsi cerita-cerita menarik dengan rakan sekelas.
3.	I	<ul style="list-style-type: none"> • Rutin berfikir FTT lebih sistematik dalam membantu murid menjana idea, berfikir dan berkongsi pengetahuan dengan rakan-rakan. • Murid dapat mengetahui bahan maujud yang digunakan dan mengaitkannya dengan isi cerita asal usul yang dibaca.

Maklum balas para guru jelas membuktikan bahawa penggunaan cerita-cerita asal usul nama tempat-tempat di Singapura yang terkandung dalam kad Pintar Baca dapat menarik minat murid selain dari mempelajari sedikit sejarah dengan cara yang mudah. Guru juga akur bahawa cerita-cerita ini dapat mencungkil rasa ingin tahu murid untuk mempelajari dan meneroka sejarah lama yang berkait dengan nama-nama tempat tersebut. Murid juga akan menunjukkan minat yang amat mendalam untuk mengetahui cerita sejarah sekiranya tempat itu merupakan kawasan di mana mereka berada atau tinggal. Tambahan, dengan menyediakan dan menunjukkan gambar-gambar lama mengenai kawasan tersebut, murid akan cuba mengaitkan pengalaman mereka mengunjungi dan melihat perubahan atau perbezaan antara dahulu dan sekarang mengenai tempat tersebut.

Usaha guru memenggal cerita mengikut perenggan-perenggan kecil memudahkan lagi proses untuk membantu murid memahami cerita dan isi kandungan teks tersebut. Penggunaan kosa kata yang bervariasi dapat menambah nilai keupayaan murid memahami dan menggunakan perkataan-perkataan yang sukar ini dengan betul dan dalam konteks yang sesuai. Kad Pintar Baca juga menyediakan bahagian glosari di mana guru boleh menggunakan perkataan-perkataan yang tersenarai bagi menambah kosa kata murid. Glosari perkataan yang sukar beserta maknanya disusun pada bahagian akhir setiap cerita.

Secara keseluruhan, para guru juga amat terangsang menggunakan rutin-rutin berfikir FBB, LFT dan FTT. Dari maklum balas guru di atas, jelas menunjukkan bahawa rutin-rutin berfikir ini dirasakan sangat sistematik, bertahap-tahap pelaksanaannya dan memudahkan guru menggunakan sebagai perancah dalam membina dan memantau pemahaman murid sebelum, semasa dan sesudah PdP. Dengan perancangan menggunakan pengajaran secara eksplisit ini juga, para guru mendapat lebih mudah dan tersusun perancangan mereka untuk melaksanakan PdP menggunakan rutin-rutin berfikir ini. Para guru dapat melihat dengan jelas perkembangan pengetahuan murid-murid semasa proses PdP dilaksanakan. Para guru merasakan bahawa murid-murid disediakan dengan banyak peluang untuk berfikir, berkongsi serta meneroka khususnya dalam melaksanakan tiga jenis rutin FBB, LFT dan FTT ini. Dengan menyediakan peluang seperti ini secara sedar, murid dapat memanfaatkan ilmu dan pengetahuan baharu yang dipelajarinya untuk mempersiapkan diri bagi menambah nilai pengetahuan dan kemahiran untuk menjawab soalan-soalan kefahaman yang pelbagai jenis dengan lebih baik.

Dapatkan kajian yang menggalakkan ini sudah tentulah merupakan suatu petanda positif dalam usaha penyelidik untuk mananam dan memperkasakan kemahiran berfikir dalam diri para murid. Pastinya bagi setiap usaha dan inisiatif baharu yang dilaksanakan, akan wujud beberapa hambatan dan kegenjotan sama ada dari segi perancangan mahu pun pelaksanaannya. Jadual 14 berikut menyenaraikan antara maklum balas mengenai hambatan dan cabaran yang diberikan para guru yang menjalankan uji cuba bagi kajian ini.

Jadual 14

Hambatan dan Cabaran (Maklum balas Guru)

Bil	Guru Sekolah	Maklum balas
1.	A	Guru harus menyediakan perancangan yang mencukupi dan sesuai untuk membimbing murid secara bertahap-tahap.
2.	B	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan kad Pintar Baca untuk kegunaan murid. • Guru harus merancang beberapa masa untuk melengkapkan proses rutin berfikir agar murid lebih terbimbing dalam pembelajaran mereka.
3.	C	<ul style="list-style-type: none"> • Berlainan murid, berlainan tahap pemikiran dan pemahaman. • Pengajaran ini lebih cenderung kepada murid tahap HP. • Pengajaran Eksplisit selalunya memerlukan masa yang lebih untuk diselesaikan.
4.	D	Guru harus mencari dan menyediakan bahan-bahan sumber seperti gambar-gambar yang berkaitan dengan topik atau cerita. Hal ini memakan masa dan kadang kala sukar untuk mendapatkan sumber rujukan yang diperlukan.
5.	E	<ul style="list-style-type: none"> • Guru harus banyak mengulang dan bertanya setelah membaca setiap perenggan. • Murid diperkenalkan kepada penyusun grafik untuk kali pertama dan ini mengambil masa yang agak lama untuk menerangkan isi setiap perenggan. • Murid tidak faham banyak kosa kata kerana kurang didedahkan kepada teks faktual.
6.	F	<ul style="list-style-type: none"> • Murid-murid perlu beberapa latihan menggunakan rutin MTV. • Guru perlu masa untuk membimbing setiap kumpulan. • Guru perlu membacakan teks berulang kali dan menerangkan makna setiap perkataan.
7.	G	<ul style="list-style-type: none"> • Guru memerlukan masa yang lebih panjang untuk memperkenalkan tempat, menerangkan makna kosa kata dan menjawab soalan-soalan kefahaman dengan betul. • Pelajar LP memerlukan bimbingan kerana teks yang agak sukar (kosa kata tahap tinggi).
8.	H	<ul style="list-style-type: none"> • Guru perlu menjelaskan berulang kali dan memberi lebih contohan tentang perkataan-perkataan sukar yang tidak difahami murid. • Guru perlu merancang masa lebih daripada biasa bagi menjalankan rutin ini.
9.	I	<ul style="list-style-type: none"> • Guru perlu menyediakan bahan-bahan PdP dan menubuhkan kumpulan secara teliti kerana bilangan murid yang ramai. Guru harus sentiasa

		pastikan semua terlibat aktif dalam perbincangan dan aktiviti yang dijalankan.
--	--	--------------------------------------------------------------------------------

Kesimpulan

Secara kesimpulan, kajian ini telah mencapai objektif yang dilakarkan dan membuktikan bahawa penggunaan kad Pintar Baca dan pengaplikasian strategi rutin-rutin berfikir FBB, LFT dan FTT dalam PdP kefahaman membaca ternyata sangat efektif dan mampu meningkatkan tahap pemahaman dalam kalangan murid-murid. Penggunaan kad Pintar Baca dan pemilihan cerita-cerita asal usul nama tempat-tempat di Singapura yang terkandung di dalamnya merupakan bahan rujukan alternatif yang menarik selain buku-buku teks, majalah atau akhbar. Dalam kajian ini, sembilan cerita telah digunakan dan maklum balas dari para guru dan murid amat memberangsangkan. Kad Pintar Baca telah berjaya menarik minat murid-murid sekolah rendah untuk mempelajari dan mendalami sejarah dan asal usul sesuatu tempat di Singapura dengan cara yang kreatif dan mudah. Para guru juga teruja untuk menambah nilai PdP dengan mencari bahan-bahan sokongan lain seperti gambar dan artifikat lain bagi menyokong sesi pembelajaran tersebut.

Rutin-rutin berfikir FBB, LFT dan FTT terbukti dapat membantu memantau proses pemahaman membaca murid dengan berkesan dan memberikan motivasi serta keyakinan diri untuk murid berkomunikasi, berkolaborasi dan meneroka bagi meningkatkan pengetahuan mereka. Guru memainkan peranan yang aktif sebagai fasilitator dalam melaksanakan proses rutin berfikir dengan memastikan 8 budaya berfikir diterapkan misalnya masa, peluang, rutin dan struktur, bahasa, modeling, interaksi dan hubungan, persekitaran fizikal dan jangkaan. 8 budaya berfikir ini amat penting bagi menggalakkan suasana budaya berfikir di dalam kelas. Murid yang telah menjalani proses pembelajaran ini telah menunjukkan perubahan yang positif dari segi sikap serta pemikiran dan penaakulan kognitif mereka. Mereka didapati semakin yakin ketika berkomunikasi, menyuarakan pendapat mereka tentang topik dan memberikan respons yang komprehensif serta tuntas. Terdapat kepelbagaian dalam penjanaan kosa kata dan idea ketika murid menyampaikan pandangan atau saranan mereka. Rutin-rutin berfikir yang diterapkan dalam pembelajaran kefahaman membaca telah berjaya menggalakkan murid-murid untuk terlibat secara lebih aktif dan bertanggungjawab dalam proses pembelajaran mereka di samping mempunyai pemikiran yang kritikal dan analitikal.

Bagi langkah selanjutnya, pengkaji sedang meneliti usaha-usaha dan inisiatif lain untuk meluaskan lagi penggunaan dan gabungan kad Pintar Baca dengan strategi rutin berfikir dalam PdP di bilik darjah. Pengkaji yakin bahawa pendedahan kepada cerita-cerita asal usul yang dikompilasikan dalam kad Pintar Baca itu dapat disampaikan dan diajarkan kepada murid-murid sekolah rendah dengan cara yang lebih mudah dan menarik melalui penerapan pelbagai rutin berfikir yang terangkum dalam strategi Menjadikan Pemikiran Jelas.

Rujukan:

1. Ritchhart, R., Church, M., dan Morrison, K., (2011). *Making thinking visible: How to promote engagement, understanding and independence for all learners*. USA: Wiley Imprint.
2. Guthrie, J.T., & Wigfield, A. (1997). Relations of children's motivation for reading to the amount and breadth of their reading. *Journal of Educational Psychology 1997. Volume 89*, number 3, 420-432.
3. Duke, N., dan Pearson, P. D. (2009). Effective practices for developing reading comprehension. *Journal of Education, 189*, 107- 122.
4. Pearson, P. D., dan Tierney, R. J. (1984). On becoming a thoughtful reader: Learning to read like a writer.
5. Yahya Othman, (2004). *Mengajar membaca teori dan aplikasi: Panduan meningkatkan Kemahiran mengajar membaca Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
6. Project Zero Website: <http://www.pz.harvard.edu/> - Cultures of Thinking Project at Bialik College a Pre-k to 12 school in Melbourne, Australia which began in 2005 with Ron Ritchard and Howard Gardner being Co-Principal Investigators.
7. Pusat Bahasa Melayu Singapura, (2018). *Menjadikan pemikiran jelas: Pelaksanaan rutin berfikir di bilik darjah*. Singapura: MLCS
8. Salmah Haji Ayob (1981). Sastera untuk kanak-kanak: Fungsi dan implikasinya. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan. Jilid 3*, Bil 1, 73-82.